



SIARAN MEDIA

HUTAN SEBAGAI ASET: MEMPERKASAKAN KEPIMPINAN MAMPAN MELALUI INISIATIF PEMULIHARAAN STRATEGIK

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad hari ini telah merasmikan acara makan tengah hari bertemakan "Hutan Sebagai Aset: Memperkasakan Kepimpinan Mampan Melalui Inisiatif Pemuliharaan Strategik" yang berlangsung di Hotel Sheraton Imperial Kuala Lumpur. Acara ini menghimpunkan pemimpin industri, wakil sektor awam dan swasta, serta pakar pemuliharaan bagi membincangkan strategi inovatif dalam pembiayaan dan perlindungan alam sekitar.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan kepentingan hutan sebagai aset negara yang bukan sahaja menyumbang kepada kestabilan iklim dan pemuliharaan biodiversiti, malah turut menyokong ekonomi negara. "Malaysia, sebagai salah satu daripada 17 negara megabiodiversiti, mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan pemuliharaan sumber semula jadi kita selari dengan keperluan pembangunan ekonomi," katanya.

Beliau turut menekankan cabaran utama dalam pemuliharaan hutan adalah mencari keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan keperluan untuk melindungi sumber semula jadi. Dengan peningkatan permintaan terhadap tanah untuk perbandaran, pertanian, dan industri, langkah proaktif perlu diambil bagi memastikan kelestarian hutan negara.

Inisiatif Inovatif bagi Pembiayaan Pemuliharaan

Tahun lepas, Malaysia Forest Fund (MFF) telah melancarkan Instrumen Forest Conservation Certificate-FCC, iaitu instrumen kewangan bukan pasaran yang membolehkan sektor swasta menyumbang secara langsung kepada projek pemuliharaan hutan. Instrumen ini akan menyokong usaha pemulihan habitat, pengurusan hutan yang mampan, serta perlindungan biodiversiti melalui kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, dan komuniti tempatan.

MFF turut diberi mandat untuk membangunkan sistem pengkreditan karbon domestik khusus untuk sektor perhutanan, yang dikenali sebagai Forest Carbon Offset (FCO). Melalui inisiatif ini, Malaysia berupaya memainkan peranan penting dalam pasaran karbon global dengan menyediakan kredit karbon berkualiti tinggi, sekaligus mengukuhkan kedudukan negara dalam ekosistem perdagangan karbon.

Selain itu, sebagai simbol komitmen dalam pemuliharaan hutan, satu Majlis Menandatangani Perjanjian Pemuliharaan juga telah diadakan di antara MFF, Bina Darulaman Berhad dan ByteDance System Sdn Bhd (TikTok Malaysia), serta BDB Infra Sdn Bhd.

Perjanjian ini menyaksikan ByteDance System dan BDB Infra Sdn Bhd sebagai penyumbang dana kepada BDB Berhad bagi melaksanakan inisiatif pemuliharaan hutan serta penambahbaikan Darulaman Sanctuary di Lubuk Semilang, Langkawi. Dengan nilai projek masing-masing berjumlah RM700,000 dan RM176,380, pelaksanaannya dijangka mengambil masa satu tahun dan dua tahun untuk disiapkan.

“Kami amat berbesar hati dan bersyukur atas sumbangan yang diterima melalui Forest Conservation Certificate. Dana ini bukan sahaja mencerminkan kepercayaan terhadap usaha pemuliharaan yang kami laksanakan, tetapi juga menjadi bukti bahawa kerjasama antara sektor awam dan swasta mampu membawa perubahan yang bermakna. Dengan sokongan ini, kami dapat terus memperkukuhkan inisiatif pemuliharaan dan memastikan kelestarian khazanah hutan negara untuk generasi akan datang,” jelas Dato’ Mohamed Shah Redza Hussein, Ketua Pegawai Eksekutif MFF.

Sesi Dialog Berprofil Tinggi: "Memperkasa Kepimpinan Mampan dengan Melihat Hutan Sebagai Aset"

Sementara itu, sesi dialog berprofil tinggi yang dikendalikan oleh Dato’ Shah Redza turut menampilkan beberapa panelis terkemuka yang membincangkan pendekatan berbeza dalam usaha pemuliharaan dan pembiayaan lestari seperti:

- Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, membincangkan kepentingan kerjasama awam-swasta dalam memacu pembiayaan lestari bagi pemuliharaan hutan.
- Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood, Pengarah Eksekutif Sunway University, menekankan keseimbangan antara kesihatan bumi dan pembangunan mampan.
- YM Raja Shahreen Raja Othman, Ketua Pegawai Eksekutif Bina Darulaman Berhad (BDB), membincangkan mengenai bagaimana pengurusan sumber lestari boleh menyumbang kepada nilai ekonomi dan ekologi.
- En. Rashid Redza Anwarudin, Ketua Pegawai Kelestarian SD Guthrie Berhad, menerangkan tentang fokus kepada transformasi industri kelapa sawit melalui prinsip ESG.
- En. Firdaus Fadzil, Ketua Dasar Awam ByteDance System Sdn. Bhd. (TikTok), berkongsi pandangan tentang bagaimana ByteDance mengurangkan risiko dan meningkatkan reputasi melalui rantai bekalan alam semula jadi yang positif.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

26 FEBRUARI 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

